BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular and Arts Division
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Ministry of Education
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: KPM.600-4/1/1 Jld.64 (66)
Tarikh : 16 Oktober 2026

Pengurus
Edukids Technology Sdn. Bhd.
53B Jalan Bayu Tinggi 7
Taman Bayu Tinggi, Klang
41200 Selangor

Tuan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID DALAM DALAM PROGRAM *EDUKIDS MATHEMATICS CONTEST 2026* ANJURAN EDUKIDS TECHNOLOGY SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan berkaitan juga dengan surat tuan bertarikh 8 Oktober 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Edukids Technology Sdn. Bhd.** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui penyertaan dalam **Program *Edukids Mathematics Contest 2026*** yang telah dilaksanakan pada **11 September 2026.**

3. BSKK telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Negeri** bagi semua murid yang menyertai program berkenaan.

...2/-

4. Markah pengiktirafan ini hendaklah diambil kira dalam pemarkahan kokurikulum di bawah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan tersebut, pihak sekolah hendaklah merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A. Pihak penganjur perlu mengemukakan salinan surat pengiktirafan program beserta senarai murid terlibat kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) dan sekolah yang berkaitan.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Unit Kelab dan Persatuan melalui talian **03-88841090** atau e-mel **ukp.bskk@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ITHNIN BIN MAHADI)
Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

s.k.: Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

lzy/PAJSK2026/MyDoc2026